

NO. SOALAN : 67

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA,**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' MOHD SUHAIMI BIN ABDULLAH**

**TARIKH : 5 SEPTEMBER 2018 (RABU)**

**SOALAN : 67**

**Dato' Mohd Suhaimi Bin Abdullah** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tambahan 'support system' yang akan diadakan bagi tujuan memudahkan pengguna menggunakan perkhidmatan awam.

## JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memandang serius tentang penekanan aspek kesalinghubungan dan kebolehsampaian diantara pengguna dan perkhidmatan pengangkutan awam darat dalam usaha menjadikan perkhidmatan ini menjadi pengangkutan pilihan rakyat. Ini adalah merupakan antara langkah-langkah tambahan (support system) dalam memastikan pengangkutan awam darat berupaya menyalurkan perkhidmatan yang berkualiti serta memberikan keselesaan kepada rakyat.

Kerajaan juga akan memberi tumpuan bagi kawasan di luar Lembah Klang khususnya di kawasan separa bandar dan luar bandar bagi menjamin mobiliti rakyat. Perkhidmatan pengangkutan awam terutamanya perkhidmatan bas akan terus dipertingkatkan supaya dapat menyediakan perkhidmatan yang berkualiti serta memberikan keselesaan kepada rakyat. Kerajaan bertekad melaksanakan pembangunan pengangkutan yang lebih seimbang antara kawasan bandar dan luar bandar.

Sehubungan dengan itu juga, pemantauan secara masa nyata atau *real-time* perkhidmatan bas di kawasan Lembah Kelang daripada pusat kawalan SPAD (control centre) akan dapat memastikan pengusaha bas menyediakan perkhidmatan yang cekap serta mengikut jadual.

Kerajaan juga telah mengenalpastikan selain memastikan kesalinghubungan dan kebolehsampaian, *support system* lain adalah

infrastruktur seperti perhentian bas dan terminal bas perlu dipertingkatkan penyediaannya dan *software* yang penting seperti peta laluan bas dalam talian dan aplikasi mobile perancang perjalanan (*journey planner*) juga perlu dibangunkan.

Aspek lain seperti peyepaduan (*integration*) diantara mod juga akan dipertingkatkan bagi memastikan pengguna dapat menggunakan perkhidmatan awam dengan selesa dan cekap dengan pelaksanaan *cashless ticketing* dan *seamless transfer* antara mod.